

11/08/2002

Udang galah, tarikan Pulau Tioman Rompin

Noorwati Salleh

DAERAH Rompin di selatan Pahang memang sinonim dengan udang galah. Ia bukan saja menjanjikan pelbagai lubuk untuk menggamit kehadiran pemancing, malah mempunyai banyak destinasi menarik bagi percutian keluarga serta kegiatan lasak.

Tioman, misalnya yang terkenal sebagai sepuluh pulau tercantik dan terindah di dunia, juga terletak di daerah itu. Pantainya yang landai dengan udara laut segar dan nyaman serta ditemani keindahan alam semula jadi, sudah tentu menggamit ramai pengunjung ke sana.

Terletak kira-kira 42 batu nautika dari tanah besar dengan himpunan 22 pulau kecil, termasuk beberapa pulau, ia sememangnya seronok dilawati bagi menikmati keindahan batu karangnya, selain kegiatan air seperti menyelam dan snorkel.

Untuk ke sana, pelancong dari Kuala Lumpur boleh melalui Lebuh raya Karak ke Temerloh-Kuantan-Pekan-Kuala Rompin-Tanjung Gemok atau alternatif lain melalui Lebuh raya PLUS ke Seremban-Bahau-Muadzam Shah-Kuala Rompin-Tanjung Gemok; dari Melaka-Tangkap-Segamat-Muadzam Shah-Kuala Rompin-Tanjung Gemok; Singapura-Johor Bahru-Mersing-Tanjung Gemok dan penduduk Terengganu dan Kelantan boleh melalui Kuantan-Pekan-Kuala Rompin-Tanjung Gemok.

Jeti Tanjung Gemok juga beroperasi dua kali sehari menggunakan dua feri iaitu Alaf Baru dan Bahagia 6 yang boleh menampung 120 dan 140 penumpang bagi satu masa. Penumpang tidak perlu risau dengan perjalanan ke destinasi itu kerana melalui jeti terbabit ia tidak mengalami masalah pasang surut dan operasinya mengikut jadual ditetapkan.

Pelancong boleh memilih untuk berlepas ke Pulau Tioman dari jeti Tanjung Gemok pada jam 10 pagi atau 2 petang atau berlepas pulang dari pulau itu ke jeti sama pada jam 12 tengah hari atau 4.30 petang. Perjalanannya akan mengambil masa 1.15 jam atau 1.30 jam bergantung kepada kelajuan bot terbabit.

Walaupun sudah banyak kemudahan moden dibina, Tioman masih mengekalkan keindahan persekitarannya sebagai 'syurga batu karang' dan juga pelbagai hidupan laut yang memukau.

Malah, berita lebih menggembirakan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan pulau peranginan itu, akan diberikan status pulau bebas cukai.

Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, Idros Yahya, berkata pengunjung perlu mengambil kesempatan menerokai dasar laut dan gugusan terumbu karangnya, terutama di Pulau Tulai, selain kegiatan luncur layar, berkayak dan memancing laut dalam.

Selain Pulau Tulai, beliau berkata, antara pulau berhampiran yang sesuai dan boleh dikunjungi bagi kegiatan sukan air ialah Chebeh, Rengis, Sembilang, Labas, Seri Buat dan Gut yang airnya tenang serta mempunyai pelbagai hidupan air.

Bagi mereka yang gemar bersantai di pantai, pelbagai pilihan pantai menarik boleh dikunjungi seperti di Salang, Tekek, Genting, Air Batang dan Juara.

Katanya, antara kampung lain yang sering menjadi tumpuan pelancong di pulau itu, termasuk Kampung Paya, Genting, Lanting, Mukut dan Juara yang turut menawarkan pelbagai kemudahan dan keindahan tersendiri.

Idros berkata, ada kemudahan bot ditawarkan penduduk tempatan untuk melawat semua pulau terbabit, selain perkhidmatan bot nelayan untuk memancing laut dalam.

Kedatangan pelancong ke Tioman, kata beliau, sentiasa meningkat setiap tahun. Pada 1999, hanya 185,944 pelancong ke pulau itu tetapi bertambah kepada 200,527 pada 2000. Tahun lalu, jumlah itu meningkat lagi kepada ialah 243,052 orang dan dijangka bertambah lebih 250,000 orang menjelang akhir tahun ini.

Mengenai kemudahan penginapan, Idros berkata Tioman menyediakan 1,946 bilik melalui 71 resort dengan kadar setiap bilik antara RM30 hingga RM400. Kebanyakan resort terbabit adalah milik penduduk setempat.

Bagi peminat sukan golf, kemudahan padang golf 18 lubang bertaraf antarabangsa turut disediakan di pulau itu, selain beberapa lagi padang golf di tanah besar.

Selain itu, di tanah besar juga, mereka yang berminat dengan kegiatan lasak boleh berkunjung ke Taman Negeri Endau-Rompin menggunakan trek pacuan empat roda, selain laluan biasa bagi kemudahan pengunjung yang menggunakan kenderaan biasa.

Di taman itu, pelbagai khazanah hutan, termasuk tumbuhan liar yang mempunyai khasiat perubatan, spesies serangga, kulat serta anak sungai yang mengalir tenang dan air terjun beberapa tingkat boleh didapati di situ.

Ia bukan saja sesuai untuk percutian lasak dan keluarga malah, taman itu mula menjadi tumpuan kumpulan pengkaji dari pusat pengajian tinggi membuat penyelidikan mengenai khazanah yang tersimpan di situ.

Sungai Rompin pula memang menjadi tumpuan pemancing untuk menangkap udang galah serta boleh menyusuri sungai itu dari Jeti Kampung Pantai Bernas untuk melihat keindahan kunang-kunang yang hinggap di pokok kayu sepanjang sungai itu.

Lanjut Golden Beach Resort, antara destinasi pelancongan ulung di Rompin, ada menawarkan pakej itu, selain pakej percutian dan rekreasi menarik untuk sekeluarga atau berkumpulan.

Beberapa gerai masakan udang galah juga boleh didapati sekitar bandar Rompin dengan harga berpatutan, selain udang segar juga turut dijual.

Apa yang pasti mereka yang datang ke Rompin, terutama ke pulau tercantik dan terindah serta mempunyai legenda tersendiri akan datang semula untuk menikmati percutian seterusnya.